



NEWSLETTER

DOSM/DOSM.PAHANG/1.2022/SIRI 55 BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN PAHANG DARUL MAKMUR

Siri Jelajah Parlimen dan DUN bagi menyebarkan dapatan Banci Malaysia 2020 peringkat Negeri Pahang telah diadakan pada 15 Jun 2022 di Kuantan, Pahang. Siri jelajah ini bermula dengan sesi Sidang Media oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia kepada 13 pengamal media di Kuantan. Antara pengamal media yang hadir adalah Bernama, Sin Chiew Daily, Sinar Harian, The China Press, Nanyang Siang Pau dan NSTP. Turut hadir membuat liputan ialah RTM, TV3 dan Astro Awani.

Lebih 20 liputan telah diperoleh melalui sidang media ini sama ada di media cetak, media elektronik mahu pun media sosial. Tiga tajuk utama telah diberitakan iaitu berkenaan keselamatan kerahsiaan maklumat responden, jumlah tempat kediaman yang kosong dan status penduduk menua di Negeri Pahang.

Di samping itu, DOSM turut mempromosikan aplikasi terkini iaitu dashboard KawasanKu (<https://kawasanku.dosm.gov.my>). Dashboard ini memaparkan maklumat kependudukan dan sosial secara interaktif dan boleh dicapai melalui pelbagai peranti.



SINAR HARIAN • KHAMIS 16 JUN 2022

NASIONAL | 19

1.9 juta rumah kosong di Malaysia

Catac peningkatan berbanding 1.2 juta kediaman tidak didiami pada 2010

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN KUANTAN

Menurutnya, berdasarkan statistik, terdapat 9.6 juta kediaman di seluruh negara.

"Di Pahang, terdapat 18 peratus kediaman yang sudah dibeli namun tidak didiami sepenuhnya manakala di Melaka merekodkan lebih 30 peratus kediaman tidak didiami.

"Daripada bilangan kediaman dibeli dan tidak didiami itu, kebanyakannya berada di tempat lain dan menjadikan rumah mereka sebagai rumah per singgahan dan homestay," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhir sempena Program Jelajah Banci Malaysia Pahang Bersama Media di sini pada Rabu.

Mohd Uzir berkata, berdasarkan Bancian Malaysia 2020, jumlah penduduk negara ini seramai 32.4 juta orang.

"Daripada jumlah itu, 17 juta adalah lelaki dan 15.5 juta wanita dengan nisbah 113 lelaki bagi setiap 100 wanita," jelasnya.



2022年6月16日 • 星期四

烏茲爾吁善用KAWASANKU數據平台
宣傳旅遊 找工有幫助

今日
東海
岸

馬來西亞人口調查局（以下簡稱「人調局」）總裁莫哈末烏茲爾（左三）在沙巴州政府舉辦的沙巴州人口調查局（以下簡稱「人調沙巴」）宣傳活動上，向沙巴州政府代表及沙巴州議員宣傳KAWASANKU數據平台。

莫哈末烏茲爾指出，KAWASANKU數據平台是全國首個統一的數據平臺，能為各州政府提供統一的數據服務，並能根據各州的特點，為各州量身定製不同的服務。他說，KAWASANKU數據平台將會在未來幾年內逐步擴大到全國範圍，屆時，各州政府將能更方便地使用該平臺提供的數據服務。

莫哈末烏茲爾呼籲各州政府善用KAWASANKU數據平台，以促進各州的社會經濟發展。

金馬崙勢勿人口老化比最高

該局總裁指出，根據2020年人口普查結果，全全國人口中60歲及以上人口佔比為11.5%，而在沙巴州，該比例為13.5%。數字顯示，沙巴州的老齡化程度比全國平均水平高2.4%，比全國老齡化程度高3.4%，比沙巴州平均老齡化程度高1.9%。

莫哈末烏茲爾強調，人口老齡化是一個全球性問題，對社會經濟發展產生重要影響。因此，各州政府應積極採取措施，應對人口老齡化問題。

莫哈末烏茲爾呼籲各州政府善用KAWASANKU數據平台，以促進各州的社會經濟發展。

SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020 **PAHANG DARUL MAKJUR**



JENGUK RODONG USAHAWAN

"PROSPEK INDUSTRI KECIL & SEDERHANA (IKS) NEGERI PAHANG"

JOM DENGAR DI :

PAHANG fm
Satu Pilihan

bersama

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia 2020

RABU | 15 Jun 2022 | 12:15 t/hari - 12:45 t/hari

Dengarkan secara langsung di Radio Pahang fm Frekuensi 104.1 Mhz



Siri Jelajah Parliment dan DUN diteruskan dengan YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia bersiaran di Radio Kuantan FM. Pada kali ini, YBhg. Dato' Sri Dr. ditemuramah berkenaan prospek industri kecil dan sederhana (IKS) di Negeri Pahang.

Sesi yang berlangsung selama 30 minit itu telah dihoskan oleh DJ Nik Kanisah atau Kak N. Pelbagai maklumat dikongsikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. bersama pendengar setia Kuantan FM khususnya dalam menggunakan data atau maklumat untuk membantu mereka membuat keputusan berkaitan keusahawanan.

Sebagai makluman, pada masa kini terdapat 51,570 pertubuhan IKS di Negeri Pahang. Daripada jumlah ini, 79.5 peratus (40,990) berada dalam sektor perkhidmatan. Manakala kes mengikut saiz pula ialah Mikro 83.4% (42,997), Kecil 15.3% (7,922) dan Sederhana 1.3% (651).

Berdasarkan laporan Banci Malaysia 2020, statistik kemudahan perkhidmatan ada disertakan maklumat bilangan premis tertentu seperti kedai runcit, kedai dobi, farmasi, klinik gigi, stesen minyak dan tadika swasta. Maklumat ini boleh digunakan sebagai perancangan awal jenis perniagaan yang ingin dibuka disatu-satu kawasan.



SIRI JELAJAH PARLIMEN DAN DUN BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020 PAHANG DARUL MAKAMUR

Siri Jelajah Parlimen dan DUN peringkat Negeri Pahang pada kali ini berakhir dengan Forum Statistik di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang. Forum yang julung kalinya diadakan ini telah dihadiri lebih 100 orang ahli akademia dan pelajar penyelidikan UMP.

Tajuk forum pada kali ini adalah Data Pemangkin Kesejahteraan Penduduk dan moderatornya ialah YBhg. Prof. Madya Dr. Roslinazairimah Zakaria. Sebagai panel utama, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin telah menerangkan kepentingan penyusunan data di peringkat granular.

Penemuan Banci dihasilkan begitu terperinci sehingga peringkat geografi lebih kecil seperti Daerah Pentadbiran, Mukim, PBT, Parlimen dan DUN. Maklumat ini penting bagi memudahkan kerajaan merangka dasar pembangunan sosio-ekonomi yang lebih bersasar dan inklusif.

Turut hadir sebagai panel ialah Prof. Ts. Dr. Mohd Rashid Ab Hamid yang merupakan pensyarah kanan di UMP.

PROGRAM JELAJAH DUN BERSAMA IPA MELALUI KERJASAMA
JABATAN PERANGKAN MALAYSIA DAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Forum Statistik

Panel: YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN (Hutus Persejutuan Malaysia)

Panel: PROFESOR TS. DR. MOHD RASHID BIN AB HAMID

Moderator: PROFESOR MADYA DR. ROSLINAZAIRIMAH BINTI ZAKARIA

Rabu 15 Jun 2022 bermula 3.15 petang

Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang

Penyertaan adalah percuma

10th Anniversary HIES BA 4th International Conference on Statistical Methodology and Applications StatsMalaysia www.stats.gov.my

